

# Kesan kebergantungan ekonomi kepada petroleum, gas asli

**Kejatuhan** harga minyak mentah dunia mendorong pelbagai pihak menilai tahap kebergantungan sebenar ekonomi Malaysia kepada sektor petroleum dan gas asli. Kebanyakan berpandangan bahawa kejatuhan harga minyak mentah dunia tidak memberi kesan signifikan kerana ekonomi negara tidak lagi bergantung kuat kepada sektor petroleum dan gas asli, hasil daripada transformasi ekonomi ke arah mempelbagaikan aktiviti ekonomi.

Petunjuk ekonomi utama yang sering diguna untuk menyokong

pandangan berkenaan adalah berdasarkan sumbangan langsung sektor petroleum dan gas asli ke atas hasil cukai dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

## Bergantung hasil cukai

Kebergantungan hasil cukai kerajaan kepada sektor ini berkurangan daripada 24 peratus pada 2005 kepada 17 peratus pada 2015. Dalam tempoh sama, sumbangan sektor ini kepada keseluruhan KDNK berkurangan daripada 18 peratus kepada 11 peratus. Perangkaan ini mengambil kira sumba-

ngan kedua-dua sektor huluan dan hiliran petroleum.

Bagaimanapun, perangkaan petunjuk ekonomi ini kurang tepat kerana sumbangan dan pengaruh sebenar sektor petroleum dan gas asli kepada ekonomi Malaysia. Hal ini kerana ia hanya mengambil kira sumbangan langsung dengan mengabaikan sumbangan tak langsung sektor berkenaan kepada ekonomi.

Sumbangan tak langsung merujuk kepada peranan sektor petroleum dan gas asli ke atas pertumbuhan sektor lain melalui ran-

taian bekalan input.

Sumbangan tak langsung boleh dinilai dengan menggunakan analisis input output. Hasil pengiraan mendapati secara keseluruhannya sektor petroleum dan gas asli menyumbang sebanyak 8 peratus dan 10 peratus kepada penjanaan output dan KDNK sektor lain.

Dalam erti kata lain, tanpa sektor ini output dan KDNK negara akan berkurangan sebanyak 8 peratus dan 10 peratus.

Kesimpulannya, penilaian tahap kebergantungan sesebuah sektor kepada ekonomi perlu bersandar-

kan kepada kedua-dua sumbangan langsung dan tidak langsung.

Terdapat kes di mana sumbangan tidak langsung sesebuah sektor itu lebih besar berbanding sumbangan langsung. Di dalam konteks sektor petroleum dan gas asli, boleh dikatakan kebergantungan ekonomi kepada sektor ini masih signifikan.

---

 **Dr Mohd Yusof Saari**

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia